

Pilihan Raya Serentak Atau Berasingan, Pakatan Pembangkang Belum Capai Kata Sepakat
Bernama
28 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Mesyuarat pemimpin tertinggi pakatan pembangkang masih gagal mencapai kata putus sama ada mahu menyertai pilihan raya serentak bagi negeri-negeri yang diterajui mereka, jika pilihan raya umum diadakan nanti.

Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu masih dibincangkan dengan kepimpinan negeri-negeri memandangkan terdapat perbezaan pendapat dalam perkara itu.

"Kita masih bincang dengan negeri-negeri mengenai perkara ini. Ada yang berpandangan kita patut adakan berserentak dan ada yang tidak," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pakatan pembangkang di bangunan Parlimen di sini, Rabu.

Pada 17 November lepas, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, DUN Selangor tidak akan dibubarkan pada awal tahun ini meskipun Kerajaan Persekutuan bertindak membubarkan Parlimen dan hanya bersedia menyertai pilihan raya umum ke-13 jika ia diadakan selepas Jun 2012.

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pula telah menyatakan kesediaan untuk mengadakan pilihan raya negeri serentak dengan Parlimen bagi menjimatkan peruntukan kewangan dan tenaga kerja.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655516>